

Kerajaan peruntuk UMS-KAL RM28.3j

UM 04.04.2012 26

LABUAN 3 April - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM28.3 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan menaik taraf kemudahan asas di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada tahun ini.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Said berkata, projek berkenaan adalah pembinaan dewan kuliah pusat bernilai RM25 juta, laluan berbung (RM350,000), kafeteria (RM340,000) dan makmal Institut Development Bank (IDB) Sekolah Sains Informatik Labuan (RM1.5 juta).

"Selain itu kita juga akan mengubah suai empat tingkat bangunan dengan kos RM320,000, pembaikan laluan kabel elektrik (RM250,000), menaik taraf kemudahan sukan (RM1.1 juta) dan menaik taraf lif (RM380,000)," kata-

nya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Program Kampus Ceria 2012 dan meletakkan batu bata projek Zon Replika Al-Haj UMS-KAL di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang.

Tambah Abdullah, kesemua projek berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun hadapan.

Dalam pada itu, beliau berharap semua pelajar dan kakitangan UMS-KAL akan menjaga dan menggunakan kemudahan yang disediakan sebaik mungkin.

Tegasnya, ia penting bagi memastikan segala kemudahan yang disediakan memberi manfaat berterusan kepada warga universiti itu.



ABDULLAH Said (duduk, tiga dari kiri) dan **Shariff Abdul Kadir Omang** (lima dari kiri) meletakkan batu bata pada majlis perasmian Program Kampus Ceria 2012 di UMS-KAL, Labuan, baru-baru ini.